KELUARAN KHAS

PENDIDIKAN & LATIHAN

# Terap ilmu naqli, aqli

## USIM tawar Sarjana Dalam Pengurusan Muamalat

Oleh Hamizah Badiran
hamizah@hmetro.com.my

Program Sekolah Sarjana Muamalat di Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menawarkan program sarjana bukan saja hampir sama dengan program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) di kebanyakan universiti lain, tetapi ada tambahan nilai yang lebih bermakna.

Konsep mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli diterapkan dalam program yang dinamakan sebagai Sarjana Dalam Pengurusan Muamalat (MMA).

Agar jelas wujudnya nilai tambahan dalam program muamalat ini berbanding program perniagaan konvensional, kursus pembelajaran program MMA mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli giat dijalankan.

Malah, ia mungkin tidak mempunyai titik penamat kerana bidang itu sentiasa berkembang dengan sumber naqlinya.

Selain itu, ada juga satu pengkhususan khas iaitu dikenali MMA Produk Halal. Konsep Halalan Tayibban atau kehalalan yang menyeluruh memerlukan tambahan pendedahan fahaman yang meluas dan fokus.

**FAKTA**
*Kursus pembelajaran program MMA mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli*

Di negara kita, istilah halal saja merangkumi satu bidang tersendiri dan ilmu yang dikaitkannya memerlukan program sarjana yang berbeza.

Secara kasar, sektor ini dibahagikan kepada pembuatan makanan dan pembuatan bukan pemakanan serta perkhidmatan.

Pembuatan makanan ini membabitkan kegiatan halalan tayibban dari mula ia dikeluarkan seperti tanaman di ladang dan sumber yang diperlukan sehingga dihidangkan kepada pelanggan untuk dimakan.

Semua peringkat dalam proses ini perlu mencapai keperluan halal. Sementara itu, bidang pembuatan bukan pemakanan dan perkhidmatan juga cukup luas termasuk kosmetik, pemakaian, pengangkutan, kewangan, insurans dan merangkumi pelbagai jenis sektor perkhidmatan yang dapat difikirkan.

Sektor ini akan terus berkembang dan USIM yakin dengan adanya kelulusan sarjana dalam bidang pengkhususan ini, terdapat peluang pasaran tertentu termasuk pasaran luar negara yang giat mengeluarkan produk halal untuk pasaran dunia.

Kesimpulannya, MMA dan MMA produk halal sesuai dan selari dengan kehendak semasa dalam pengurusan perniagaan.



PROGRAM MMA dan MMA Produk Halal di USIM ada tambahan nilai untuk pasaran kerja semasa.



Berpandukan
NILAI-NILAI MURNI,
Anda Pasti
MENGECAPI KECEMERLANGAN,
dan
MEMAKSIMAKAN POTENSI DIRI

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA
— Mengintegrasikan Naqli dan Aqli —

Siapa kata USIM tidak menawarkan program MBA? Kami menawarkan LEBIH dari itu.

GRADUATE SCHOOL OF MUAMALAT
PENGAMBILAN JANUARI 2016
Kini Dibuka (Sepenuh & Separuh Masa)

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Kaedah Kerja Kursus :
- Sarjana PENTADBIRAN MUAMALAT
- Sarjana PENTADBIRAN MUAMALAT (Produk Halal)
- Sarjana KEWANGAN ISLAM
- Sarjana PERBANKAN ISLAM
- Sarjana PERAKAUNAN DAN AUDIT SYARIAH

Kaedah Penyelidikan:
- Sarjana EKONOMI DAN PENTADBIRAN MUAMALAT
- Kedoktoran
  » Falsafah
  » Industri

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
GRADUATE SCHOOL OF MUAMALAT,
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia
No. Tel : +606-797 8664 (Amira) 8662 (Liza) atau
E-mel : ddgsm@usim.edu.my
Laman Web : http://fem.usim.edu.my/gsmuamalat/
Facebook : https://www.facebook.com/gsmuamalat
Jangan lupa hantarkan permohonan anda ke : http://ecgs.usim.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :
4 DISEMBER 2015